

# Universiti tempatan berkualiti

Oleh SYUKRI SHAARI

pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 20 FEB.

**K**EMENTERIAN Pendidikan Tinggi menafikan dakwaan pihak-pihak tertentu kononnya sektor pengajian tinggi negara 'tidak berkualiti' dan menegaskan banyak kejayaan telah dicapai dalam tempoh beberapa tahun kebelakangan ini.

Perkara itu diperjelaskan oleh Menteri-nya, Datuk Seri Idris Jusoh yang memberitahu, beberapa universiti awam telah berjaya melonjakkan kedudukan dalam ranking dunia yang didahului Universiti Malaya (UM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).



IDRIS JUSOH

Beliau juga berkata, empat institusi pengajian tinggi negara iaitu UPM, UTM, UKM dan Universiti Sains Malaysia (USM) telah tersenarai dalam 50 universiti terbaik dunia yang berusia 50 tahun ke bawah.

"Selain itu pelajar-pelajar kita berjaya memenangi pertandingan peringkat antarabangsa seperti pidato, menewaskan pelajar universiti dari Cambridge. Jadi, siapa kata sektor pengajian tinggi kita tidak bagus? Mari berjumpa saya, kita boleh bercakap mengenainya," kata beliau.

Idris berkata demikian ketika mengadakan kunjungan hormat ke Ibu pejabat Utusan Melayu (M) Berhad di sini hari ini.

Yang turut hadir Ketua Setiausaha Kementerian, Tan Sri Dr. Noorul Ainur Mohd. Nur; Timbalan Ketua Setiausaha (Pemba-

ngunan), Datuk Nik Ali Mat Yunus dan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Datin Ir. Dr. Siti Hamisah Tapsir.

Dalam lawatan tersebut, Idris turut meluangkan masa berbincang dengan barisan kepimpinan Kumpulan Utusan terdiri daripada Pengarah Urusan Kumpulan, Datuk Mohd. Noordin Abbas; Ketua Pengarang Kumpulan, Datuk Abdul Aziz Ishak; Timbalan Ketua Pengarang Kumpulan, Datuk Othman Mohamad; Penolong Ketua Pengarang Kumpulan, Datuk Hassan Mohd. Noor dan Pengarang *Utusan Malaysia*, Datuk Zulkefli Hamzah.

Idris yang ditemui selepas lawatan tersebut memberitahu pihak kementerian melihat kepada usaha meningkatkan jaringan rangkaian dengan Kumpulan Utusan sebagai salah satu platform untuk menguar-uarkan kejayaan serta pencapaian sektor pengajian tinggi negara.

Beliau mengaku bahawa penting untuk pihaknya membina

jaringan komunikasi dengan Kumpulan Utusan supaya mesej-mesej yang baik mengenai perancangan kementerian dapat disebar luaskan kepada rakyat.

Idris pada masa sama turut mengakui kegagalan pada peringkat komunikasi pihak kementerian dan kerajaan merupakan penyebab maklumat kecemerlangan pencapaian sektor pengajian tinggi negara tidak sampai kepada pengetahuan masyarakat.

"Kita mahu betulkan persepsi dalam kalangan rakyat, mahu ubah pemikiran mereka supaya tidak hanya mempunyai pandangan negatif sahaja terhadap kementerian dan sektor pengajian tinggi negara.

"Sebenarnya banyak perkara baik sedang dilaksanakan oleh kerajaan tetapi tidak dapat didengari dengan jelas. Strategi yang baik sepatutnya boleh dilakukan bagi memastikan rakyat ketahui pencapaian serta kejayaan kita," jelas beliau.